



**KERAJAAN MALAYSIA**

---

**Peraturan Bayaran Saguhati Bagi Pelaksanaan  
Penilaian Tahap Kecekapan (PTK)**

---

**PERBENDAHARAAN MALAYSIA**

## KANDUNGAN

<b>ELAUN DAN BAYARAN ANGGOTA PERKHIDMATAN AWAM .....</b>	<b>2</b>
<b>WP 1.9/2013 Peraturan Bayaran Saguhati Bagi Pelaksanaan Penilaian Tahap Kecekapan (PTK).....</b>	<b>2</b>
<b>1. Tujuan.....</b>	<b>2</b>
<b>2. Pelaksanaan Penilaian Tahap Kecekapan.....</b>	<b>2</b>
<b>3. Peraturan Bayaran Saguhati .....</b>	<b>2</b>
<b>4. Tanggungjawab Pegawai Pengawal Dan Ketua Jabatan .....</b>	<b>2</b>
<b>LAMPIRAN .....</b>	<b>3</b>

## **ELAUN DAN BAYARAN ANGGOTA PERKHIDMATAN AWAM**

### **WP 1.9/2013 Peraturan Bayaran Saguhati Bagi Pelaksanaan Penilaian Tahap Kecekapan (PTK)**

#### **1. Tujuan**

- 1.1 Pekeliling ini bertujuan untuk menetapkan peraturan, kadar dan syarat bayaran saguhati kepada pegawai yang terlibat secara langsung dengan pelaksanaan Penilaian Tahap Kecekapan (PTK) bagi semua jenis perkhidmatan.

#### **2. Pelaksanaan Penilaian Tahap Kecekapan**

- 2.1 Pelaksanaan PTK melibatkan penubuhan Lembaga Penilaian Kompetensi seperti Lembaga Penilaian Kompetensi Perkhidmatan Awam, Lembaga Penilaian Kompetensi Kementerian, Lembaga Penilaian Kompetensi Perkhidmatan Gunasama Di Bawah Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam dan Lembaga Penilaian Kompetensi Perkhidmatan Gunasama Di Bawah Akauntan Negara. Lembaga ini bertanggungjawab menetapkan dasar dan meluluskan sukatan peperiksaan serta kurikulum kursus. Di samping itu, beberapa Panel Peperiksaan dan Panel Penilaian Kursus yang bertanggungjawab menggubal kurikulum kursus, menetapkan soalan, menilai prestasi pegawai dan mengesahkan keputusan ujian kursus dan peperiksaan.

#### **3. Peraturan Bayaran Saguhati**

- 3.1 Bayaran saguhati kepada pegawai yang terlibat secara langsung dalam pelaksanaan PTK adalah ditetapkan seperti jadual di [Lampiran A](#).
- 3.2 Selain daripada peperiksaan PTK, terdapat juga peperiksaan lain iaitu peperiksaan perkhidmatan dan peperiksaan yang dijalankan oleh Suruhanjaya-suruhanjaya Perkhidmatan. Sehubungan itu, bayaran saguhati seperti di bilangan 3, 4 dan 5 [Lampiran A](#), Pekeliling ini adalah dipanjangkan kepada pegawai yang terlibat secara langsung dalam peperiksaan tersebut.

#### **4. Tanggungjawab Pegawai Pengawal Dan Ketua Jabatan**

- 4.1 Adalah tanggungjawab Ketua Jabatan untuk membuat perancangan yang rapi dan memastikan penggunaan masa yang cekap dalam melaksanakan PTK bagi menjimatkan perbelanjaan. Sehubungan itu, Pegawai Pengawal sendiri hendaklah mengawasi dengan rapi terhadap perbelanjaan bayaran saguhati di bawah Pekeliling ini.

# LAMPIRAN

## LAMPIRAN A

**KADAR BAYARAN SAGUHATI PELAKSANAAN PENILAIAN TAHAP KECEKAPAN (PTK)  
DAN PEPERIKSAAN PERKHIDMATAN AWAM**

BIL.	PEGAWAI YANG TERLIBAT	KADAR BAYARAN SAGUHATI		
1.	Lembaga Peperiksaan Perkhidmatan Awam (LPPA)/ Lembaga Peperiksaan Kementerian/ Lembaga Peperiksaan Penilaian Kompetensi	Bayaran menghadiri mesyuarat sebanyak RM150 sekali mesyuarat. (*Urus setia tidak layak diberi bayaran ini)		
2.	Panel Penggubalan Sukatan Penilaian/ Panel Penggubalan Sukatan Peperiksaan/ Panel Penilaian/ Panel Peperiksaan	Bayaran menghadiri Mesyuarat sebanyak RM100 sekali mesyuarat. (*Urus setia tidak layak diberi bayaran ini)		
3.	Panel Penilaian PPK	<b>Kumpulan Pengurusan &amp; Profesional</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Simulasi Mengajar</li> <li>▪ Persembahan Individu</li> <li>▪ Persembahan Kumpulan</li> <li>▪ Pengucapan Awam/ <i>Public Speaking</i></li> <li>▪ Penilaian Pengurusan Kerja</li> <li>▪ Penilaian Pengurusan Teknikal</li> <li>▪ Penilaian Personaliti</li> </ul>	i. RM50 sejam bagi urusan penilaian dengan maksimum RM1,000 bagi satu tempoh penilaian.  ii. Tambahan RM25 sejam dengan maksimum RM500 bagi penilaian sesi Pengucapan Awam/ <i>Public Speaking</i> , Perbincangan Kumpulan dan Persembahan Kumpulan.	
		<b>Kumpulan Sokongan</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Perbincangan Kes</li> <li>▪ Temuduga Berkumpulan</li> <li>▪ Simulasi Mengajar</li> <li>▪ Penilaian Pengurusan Kerja</li> <li>▪ Penilaian Pengurusan Teknikal</li> <li>▪ Penilaian Personaliti</li> </ul>	i. RM25 sejam bagi satu urusan penilaian dengan maksimum RM500 bagi satu tempoh penilaian.	
4.	Urusan Penilaian/ Peperiksaan  i. Penyelaras Pusat/ Pengawas		<b>Peperiksaan/ Penilaian Sesi Pagi (sehingga pukul 1.00 tgh)</b>	<b>Peperiksaan/ Penilaian Sesi Petang (mulai pukul 2.00 ptg)</b>
		i. Penyelaras Pusat Peperiksaan/ Ketua	RM40 satu sesi	RM20 satu sesi

BIL.	PEGAWAI YANG TERLIBAT	KADAR BAYARAN SAGUHATI		
		Pengawas ii. Penolong Penyelaras Pusat Peperiksaan/ Pengawas  (*Urus setia tidak layak diberi bayaran ini)	RM30 satu sesi	RM15 satu sesi  (*Seseorang pegawai layak bayaran dua sesi (pagi dan Petang) sekiranya waktu peperiksaan bagi kedua-dua sesi pada hari tersebut berjumlah tidak kurang daripada 4 jam)
	ii. Penggubal Soalan/ Rencana	i. Soalan esei dengan skema jawapan  ii. Soalan objektif/ pendek/ isi tempat kosong dengan skema jawapan  iii. Soalan perbincangan kes dengan skema jawapan  iv. Soalan temuduga berkumpulan dengan skema jawapan  v. Soalan simulasi mengajar dengan skema jawapan  vi. Rencana ujian trengkas dan penyediaan skim markah bagi kederasan: ▪ $\geq 100$ perkataan seminit ▪ $< 100$ perkataan seminit  vii. Rencana ujian menaip	<b>Peperiksaan/ Penilaian Kumpulan Pengurusan &amp; Profesional</b>  RM40 satu soalan  RM30 satu soalan  RM40 satu soalan  RM40 satu soalan  RM40 satu soalan  RM80 satu rencana RM70 satu rencana  RM50 satu rencana	<b>Peperiksaan/ Penilaian Kumpulan Sokongan</b>  RM30 satu soalan  RM20 satu soalan  RM30 satu soalan  RM30 satu soalan  RM30 satu soalan
	iii. Pemeriksa Kertas Jawapan/ Trengkas/ Taipan	i. Kertas jawapan esei <u>Masa Kertas</u> - kertas $\geq 3$ jam - kertas $\geq 2$ jam $< 3$ jam - kertas $\geq 1$ jam $< 2$ jam - kertas $< 1$ jam	<b>Peperiksaan/ Penilaian Kumpulan Pengurusan &amp; Profesional</b>  RM6 satu kertas RM5 satu kertas RM4 satu kertas RM3 satu kertas	<b>Peperiksaan/ Penilaian Kumpulan Sokongan</b>  RM5 satu kertas RM4 satu kertas RM3 satu kertas RM2 satu kertas

BIL.	PEGAWAI YANG TERLIBAT	KADAR BAYARAN SAGUHATI		
		ii. Kertas Projek/ Kertas Tugas Generik/ Fungsional/ Kertas Penilaian <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ 20-25 muka surat</li> <li>▪ 15-19 muka surat</li> <li>▪ 14 muka surat ke bawah</li> </ul> iii. Kertas Renungan iv. Kertas soalan objektif/ pendek/ isi tempat kosong v. Kertas trengkas taip bagi kederasan: <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ ≥ 100 perkataan seminit</li> <li>▪ &lt; 100 perkataan seminit</li> </ul> vi. Kertas taipan ujian menaip (*Sekiranya lebih daripada seorang terlibat, bayaran dibahagikan mengikut bilangan orang)	RM5 satu kertas RM4 satu kertas RM3.50 satu kertas	-
			RM3 satu kertas 5 sen satu soalan RM2.50 satu rencana RM1.50 satu rencana RM1.50 satu rencana	
	iv. Pembaca Rencana	Rencana Ujian Trengkas <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ ≥ 100 perkataan seminit</li> <li>▪ &lt; 100 perkataan seminit</li> </ul>	RM80 satu rencana RM70 satu rencana	
5.	Urusan Peperiksaan Secara Lisan/ Amali/ Pemerhatian/ Temuduga/ Penilaian Pemahaman Dalam Kumpulan	Bayaran pemeriksa lisan/ amali/ pemerhatian/ temuduga	<b>Peperiksaan Sesi Pagi (sehingga pukul 1.00 tgh)</b> RM40 satu sesi	<b>Peperiksaan Sesi Petang (mulai pukul 2.00 ptg)</b> RM20 satu sesi
			(*Seseorang pegawai layak bayaran dua sesi (pagi dan petang) sekiranya waktu peperiksaan kedua-dua sesi pada hari tersebut berjumlah tidak kurang daripada 4 jam)	